

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 25 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan kebijaksanaan (*wisdom*) dan buah fikiran cetusan perbahasan di kalangan ahli-ahli Parlimen kedua-dua belah pihak Kerajaan dan Pembangkang, dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam pembinaan dan penubuhan dasar, polisi dan undang-undang negara.

**JAWAPAN:YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan sentiasa menghargai buah fikiran dan pandangan yang mampu memberikan kesan baik yang berpanjangan kepada masyarakat. Kerajaan juga tidak pernah mendiskriminasikan pandangan mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bersifat terbuka terhadap mana-mana individu yang mempunyai idea yang baik yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya dan bukan untuk kepentingan individu tertentu sahaja.

Sekian. Terima kasih.